

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)1**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

1. Berapakah jumlah kes kemalangan biasa dan kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang dalam pecahan setiap bulan bagi tahun 2024?
  - (a) Apakah langkah proaktif yang telah diambil atau akan dirancang oleh pihak berkenaan untuk mengurangkan kes kemalangan di atas Jambatan Pulau Pinang?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

1. Jumlah kes kemalangan biasa di atas Jambatan Pulau Pinang adalah 405 kes manakala kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang adalah 23 kes. Pecahan kes kemalangan biasa dan kemalangan maut di atas Jambatan Pulau Pinang Pertama dan Jambatan Pulau Pinang Kedua adalah seperti jadual di bawah.

Pecahan Kes Kemalangan Biasa Dan Kemalangan Maut Di Atas Jambatan Pulau Pinang Pertama Dan Jambatan Pulau Pinang Kedua

<b>Tahun 2024</b>	<b>Jambatan Pertama</b>		<b>Jambatan Kedua</b>	
	<b>Kemalangan Biasa</b>	<b>Kemalangan Maut</b>	<b>Kemalangan Biasa</b>	<b>Kemalangan Maut</b>
Januari	25	1	2	0
Februari	7	2	5	2
Mac	24	5	8	1
April	29	1	13	0
Mei	31	1	3	3
Jun	20	1	4	0

Julai	27	0	5	1
Ogos	30	1	9	1
September	33	0	11	0
Oktober	18	0	12	0
November	34	1	10	0
Disember	33	1	12	1
<b>JUMLAH</b>	<b>311</b>	<b>14</b>	<b>94</b>	<b>9</b>

- (a) Langkah proaktif yang telah diambil untuk mengurangkan kes kemalangan di atas Jambatan Pulau Pinang ialah:
- (i) Pihak PDRM akan menjalankan rondaan dan penguatkuasaan secara berkala dalam memastikan pengguna jalan raya mematuhi peraturan sekaligus dapat mengurangkan kemalangan serta mengadakan operasi bersepadu bersama Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) termasuk lain-lain tindakan yang bersesuaian dari semasa ke semasa.
  - (ii) Mengenakan tindakan terhadap pemandu yang memandu secara tidak berhemah dan tidak cermat serta memandu kenderaan dengan kelajuan yang melebihi had yang ditetapkan menyebabkan berlakunya kemalangan
  - (iii) Memasang papan tanda amaran hadlaju dan papan tanda amaran Kurangkan Laju.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)2**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

2. Berapakah operasi keselamatan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2024 sehingga bulan Mac 2025?
- (a) Berapakah tangkapan telah dibuat pada tempoh yang sama?
- (b) Apakah tindakan susulan yang telah dirancang untuk mengekang isu perlumbaan haram di BORR dan Jalan Raja Uda pada masa akan datang?

**JAWAPAN OLEH YAB KETUA MENTERI**

2. (a) Berikut adalah statistik operasi/saman/sita dan tangkapan yang telah dijalankan mengikut tahun seperti ringkasan berikut:

Bil.	Tindakan	Tahun	
		2024	2025 (Hingga Mac)
1.	Operasi Samseng Jalanan	365	99
2.	Saman dikeluarkan pada Operasi Samseng Jalanan	10,694	2,687
3.	Jumlah motosikal di sita semasa Operasi Samseng Jalanan	2,061	451
4.	Tangkapan dibawah sek.42 (1) APJ 1987	131	50

- (b) Tindakan susulan yang telah dirancang untuk mengekang isu perlumbaan haram di BORR dan Jalan Raja Uda pada masa akan datang adalah seperti berikut:-
- (i) Membuat operasi secara kolaborasi dengan pihak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Jabatan Alam Sekitar (JAS) DAN Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) seperti operasi premis kedai yang mengubahsuai motosikal dan lain-lain penguatkuasaan mengikut peruntukan undang-undang.
  - (ii) Berbincang dan memberi cadangan dengan pihak Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dalam aspek teknikal ke atas jalan raya supaya lokasi tersebut tidak menjadi trek perlumbaan dan sebagainya.
  - (iii) Membuat Operasi Bersepadu sepanjang hujung minggu dan hari kelepasan am seperti sekatan jalan raya oleh pihak trafik dan rondaan secara 24 jam oleh Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB).

Manakala tindakan dan usaha dalam tempoh jangka masa panjang adalah memberi pendidikan kepada remaja yang meningkat dewasa di mana pihak PDRM telah berkerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mewujudkan Pegawai Penghubungan Sekolah (PPS) dan satu program “mesra”. Di dalam program ini pihak PDRM akan memberi ceramah di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negeri Pulau Pinang mengikut silibus yang telah ditetapkan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)3**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

3. Adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mengintegrasikan dalam mana-mana sistem pemetaan supaya semua lokasi AED boleh dikenal pasti di seluruh Pulau Pinang bagi memudahkan para sukarelawan / petugas penyelamat mendapat akses kepada unit AED yang paling dekat dalam masa yang tersingkat bagi melaksanakan kerja penyelamatan / kecemasan?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

3. Lokasi *Automated External Defibrillator* (AED) yang dijadikan sebagai *Public Access Defibrillator* (PAD) telah dimasukkan ke dalam aplikasi *Google Map* yang mana ianya lebih mudah dicari dan dapat diakses orang awam.

Bukan itu sahaja, jika terdapat kecemasan, orang awam mahupun sukarelawan dan petugas penyelamat boleh membuat panggilan kecemasan kepada *Medical Emergency Coordinating Center* (MECC) dan lokasi mesin AED yang berdekatan dengan tempat kejadian akan dimaklumkan oleh MECC dengan kadar segera. MECC kini berpusat di Jabatan Kecemasan dan Trauma, Hospital Seberang Jaya.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)4**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

4. Mengikut piawaian Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO), setiap 100,000 penduduk memerlukan 100 hingga 200 unit AED. Dengan jumlah penduduk sebanyak 1.76 juta, kita sepatutnya mempunyai 1,760 hingga 3,520 unit AED. Apakah perancangan pihak Kerajaan Negeri untuk mencapai objektif tersebut?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

4. Pemasangan *Automated External Defibrillator* (AED) di Pulau Pinang adalah melibatkan semua agensi termasuk organisasi kerajaan, NGO, pihak swasta dan individu. Pemasangan AED ini terbahagi kepada dua jenis iaitu AED untuk kegunaan persendirian dan PAD (*Public Access Defibrillator*). Kerajaan Negeri sentiasa memantau jumlah AED yang diperlukan dan pemasangan ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut keperluan. Sehingga kini, jumlah AED di seluruh negeri Pulau Pinang adalah sebanyak 263 unit namun demikian bilangan angka ini tidak termasuk alat AED yang dipasang oleh sektor swasta untuk kegunaan persendirian.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)5**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

5. Adakah Kerajaan Negeri mempunyai perancangan untuk melaksanakan penguatkuasaan mandatori pemasangan AED di premis-premis awam utama seperti pusat membeli-belah, kompleks sukan dan institusi pendidikan, selaras dengan amalan terbaik di peringkat antarabangsa?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

5. Bagi pemasangan Defibrilator Luaran Automatik (AED) di Negeri Pulau Pinang, terdapat dua garis panduan sedia ada iaitu premis baru dan premis sedia ada. Pembangunan dan premis baru yang melibatkan kawasan sukan dan rekreasi, bangunan kerajaan, bangunan komersial, hub pengangkutan, kilang dan industri serta bangunan kediaman berstrata melebihi 100 unit adalah diwajibkan untuk memasang alat AED di premis masing-masing. Penyediaan alat AED akan disyaratkan dalam kelulusan Kebenaran Merancang dan Pelan Bangunan untuk dipasang sebelum Sijil Perakuan Siap dan Pematuhan (CCC) dikeluarkan. Manakala bagi pembangunan atau premis sedia ada, pemasangan AED telah dikategorikan mengikut keutamaan seperti di **LAMPIRAN A**.

## LAMPIRAN A

### KATEGORI PREMIS YANG DISYARATKAN UNTUK MENYEDIAKAN KEMUDAHAN ALAT DEFIBRILATOR LUARAN AUTOMATIK (AED) DAN TEMPOH PELAKSANAAN BAGI PREMIS-PREMIS SEDIA ADA

Bil.	Jenis Kegunaan Bangunan	Keutamaan	Digalakan
1.	Sukan	Dewan Badminton	<i>Hiking Trails</i>
		Arena dan Kompleks Sukan	Laluan Berbasikal
		<i>Gymnasium &amp; Fitness Centres</i>	Kawasan Sukan dan Rekreasi yang lain
2.	Bangunan Kerajaan /Awam	Pejabat-pejabat Kerajaan Persekutuan dan Negeri	Sekolah / Institusi Pengajian / Institusi Pengajian Tinggi
		Balai Rakyat, Dewan Rakyat, Dewan Komuniti dan Dewan Serba Guna	Rumah-rumah Ibadat
		Taman-taman Bandaraya dan Taman-taman Awam	-
3.	Bangunan Komersial	Pusat Membeli-belah / Pasar Raya / Pasar Raya Besar / Kompleks Komersial	Taman Hiburan
		Hotel	-
		Tempat Peranginan / Tempat Tarikan Pelancong	-
4.	Hub Pengangkutan	Lapangan Terbang Antarabangsa	-
		Terminal Kapal Persiaran	-
		Terminal Feri Terminal Bas Ekspres	-
5.	Kilang dan Bangunan Industri		-
6.	Kediaman / Bangunan Berstrata melebihi 100 unit		-

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)6**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

6. Memandangkan sukan *Pickleball* semakin mendapat sambutan orang ramai, adakah Kerajaan Negeri Pulau Pinang menyokong usaha untuk memasukkan sukan *Pickleball* sebagai acara rasmi Sukan Malaysia (SUKMA) 2026?
- (a) Jika ya, apakah usaha yang sedang dijalankan untuk memastikan sukan ini dimasukkan?
- (b) Jika tidak, apakah alasan untuk tidak menyokong usaha ini?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

6. Merujuk kepada kenyataan oleh YB Menteri Belia & Sukan Malaysia pada 14 Mac 2025, status *pickleball* sebagai satu daripada acara pada Temasya Sukan Malaysia (SUKMA) 2026 belum diputuskan dan masih bergantung kepada undian negeri-negeri yang terlibat dan perlu mendapat kelulusan dalam Jawatankuasa Tertinggi SUKMA dengan pengesahan penyertaan daripada sekurang-kurangnya enam (6) buah negeri.

Kerajaan Negeri melalui Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP) sentiasa menyokong keputusan daripada Kementerian Belia dan Sukan (KBS) jika sukan *pickleball* dimasukkan ke dalam SUKMA 2026. Namun MSNPP perlu terlebih dahulu meneliti dan memperhalusi program pembangunan sukan *pickleball* bersama dengan Persatuan *Pickleball* Negeri Pulau Pinang. Sekiranya atlet-atlet latihan Negeri Pulau Pinang berupaya mencapai kelayakan atau kriteria yang ditetapkan, MSNPP pasti akan memberi sokongan untuk

menjadikan sukan *pickleball* sebagai salah satu acara rasmi di Temasya Sukan Malaysia.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

7. Apakah status terkini tentang lampu jalan di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh yang sering tidak berfungsi?
- (a) Apakah punca kepada isu ini?
  - (b) Apakah rancangan pihak berkenaan untuk membaiki dan memastikan lampu sentiasa menyala pada waktu yang ditentukan?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

7. Lampu jalan dan lampu isyarat di Jalan Kikik 7, Jalan Kerapu dan Jalan Permatang Pauh yang sering tidak berfungsi adalah masih di peringkat pembaikan dan penyelenggaraan oleh pihak kontraktor Penang Development Corporation (PDC) susulan daripada beberapa komen ketidakpatuhan penyelenggaraan yang dibangkitkan oleh pihak Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) semasa lawatan tapak pada 25 Julai 2024 yang lalu. Selepas semua komen ketidakpatuhan telah selesai diambil tindakan oleh pihak PDC, lampu jalan dan lampu isyarat tersebut akan diserahkan sepenuhnya kepada pihak MBSP.
- (a) Pihak PDC memaklumkan bahawa punca terjadinya lampu jalan tidak berfungsi adalah disebabkan *driver* lampu *Light-Emitting Diode* (LED) yang rosak.

- (b) Perancangan pihak PDC adalah dengan mengarahkan pihak kontraktor melaksanakan penggantian segera *driver* mengikut spesifikasi yang baharu untuk lampu yang rosak bagi memastikan lampu sentiasa menyala pada waktu yang ditentukan. Selain itu juga, pihak MBSP juga sentiasa berhubung rapat dengan dengan pihak PDC untuk menyalurkan sebarang aduan kerosakan lampu jalan yang diterima oleh orang ramai di kawasan tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)8**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

8. Memandangkan perkhidmatan *Rapid On Demand* telah berjaya dilancarkan di kawasan Seberang Perai, adakah pihak berkenaan merancang memperluaskan perkhidmatan dengan menambah lebih banyak perhentian *pick-up* dan *drop-off* di kawasan Bagan Jermal, terutamanya Taman Melur, Taman Riang dan Jalan Mohd Saad bagi memenuhi keperluan penduduk-penduduk di kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

8. Perkhidmatan *Rapid Penang On Demand* (ROD) di kawasan Seberang Perai mula beroperasi pada 15 Mac 2025 dengan 6 buah van, meliputi kawasan dalam radius empat (4) kilometer dari Sunway Carnival Mall.

Ia bertujuan menyediakan sambungan *first mile* dan *last mile* bagi kawasan yang tidak diliputi oleh laluan bas sedia ada, sama ada ke perkhidmatan bas Rapid Penang atau destinasi dalam zon ROD.

Rapid Penang akan mengkaji potensi peluasan zon perkhidmatan bagi cadangan lokasi seperti di kawasan Bagan Jermal, Taman Melur, Taman Riang dan Jalan Mohd Saad termasuk di lokasi lain yang berpotensi berdasarkan permintaan, kesesuaian operasi dan maklum balas pengguna dari semasa ke semasa. Namun begitu, kerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) juga adalah penting untuk meningkatkan infrastruktur berkaitan bagi memudahkan pengguna mengenal pasti lokasi hentian ROD termasuk penanda jalan, tiang dan lain-lain.

Perkhidmatan bas Rapid Penang telah menerima sambutan yang sangat positif di kawasan Seberang Perai. Peningkatan ini mencerminkan semakin tingginya kepercayaan masyarakat terhadap perkhidmatan yang disediakan, sekali gus menunjukkan betapa penting dan relevannya perkhidmatan pengangkutan awam dalam memenuhi keperluan harian penduduk Negeri Pulau Pinang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)9**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

9. Apakah status terkini untuk Projek Pembaharuan Semula Bandar (URC) di Flat Mak Mandin Hijau serta Flat Mak Mandin? Huraikan perincian mengenai tempoh pelaksanaan terbaru untuk projek tersebut.

**YB DATO' SERI SUNDARAJOO A/L SOMU  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

9. Kerajaan Negeri melalui Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) telah mengenal pasti beberapa skim perumahan awam kos rendah lama sebagai projek rintis Pembaharuan Semula Bandar (PSB) di bawah *Rolling Plan 2* (RP2) Tahun 2022, Pelan Induk Perancangan Pembangunan Rumah Mampu Milik 2021 hingga 2030.

Terdapat tiga (3) skim perumahan yang telah dikenal pasti terlibat dalam pelaksanaan projek PSB Mak Mandin ini iaitu Mak Mandin Hijau, Mak Mandin Lama dan Mak Mandin 1. Keseluruhan pelaksanaan ini akan melibatkan sebanyak 820 pemilik petak.

Walau bagaimanapun, hanya Flat Mak Mandin Hijau sahaja yang telah mendapat hakmilik strata dan diuruskan oleh Perbadanan Pengurusan Mak Mandin Hijau. Manakala Flat Mak Madin Lama dan Mak Mandin 1 masih lagi dimiliki oleh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (*State Secretary Penang Incorporation - SSI*) selaku pemilik tanah.

Proses rundingan bersama semua pihak berkepentingan telah dilaksanakan dan LPNPP telah dilantik sebagai agensi pelaksana projek ini melalui resolusi yang diusulkan dan diluluskan melalui

Mesyuarat Agung Luar Biasa (EGM) Mak Mandin Hijau dan surat kebenaran dari SSI.

Melalui kedua-dua mandat tersebut, LPNPP telah melaksanakan proses perolehan pelantikan perunding Pengurusan Projek (PMC) bagi pengurusan serta pemantauan pelaksanaan projek. Manakala proses perolehan pelantikan pemaju secara *Request For Proposal* (RFP) sedang dilaksanakan dan tender akan ditutup pada 9 Julai 2025. Pemaju dijangka dapat dilantik pada bulan Ogos 2025.

LPNPP juga telah berjaya menandatangani *Memorandum of Agreement* (MoA) bersama Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) bagi pembelian keseluruhan unit di Pangsapuri Mak Mandin Indah untuk ditawarkan sebagai unit gantian percuma kepada penduduk yang terlibat dengan PSB Mak Mandin ini.

Secara keseluruhannya, pelaksanaan projek PSB Mak Mandin ini dijangka akan mengambil masa selama 16 tahun melibatkan beberapa fasa pembangunan. Fasa 1 dijangka dimulakan di atas Tanah Kerajaan bersebelahan Lot 10027 yang kini adalah kawasan tanah lapang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)10**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

10. Memandangkan Pasukan Bomba Sukarelawan secara amnya aktif membantu dalam kerja menyelamatkan kebakaran serta lain-lain kerja kecemasan, adakah pihak Kerajaan Negeri sudi membekalkan insurans kemalangan peribadi berkumpulan sebagai satu jaminan sekiranya para sukarelawan ditimpa kemalangan semasa menjalankan tugas, mereka masih menerima pampasan yang sewajarnya?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

10. Buat masa ini, Kerajaan Negeri tiada perancangan untuk membekalkan insurans kepada Pasukan Bomba Sukarelawan (PBS). Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan melalui pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sememangnya telah menyediakan insurans kepada semua PBS diseluruh Malaysia termasuklah Negeri Pulau Pinang. Namun begitu, insurans yang disediakan ini telah **dihadkan kepada 20 orang anggota** sahaja. Antara manfaat perlindungan yang disediakan adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>MANFAAT PERLINDUNGAN</b>	<b>JUMLAH</b>
1	Kematian – Penyakit / Semulajadi	RM17,000.00
2	Keilangan Kekal Menyeluruh – Penyakit / Semulajadi	RM17,000.00
3	Keilangan Separa Kekal (Tertakluk Kepada Jadual Manfaat) – Penyakit / Semulajadi	RM17,000.00

<b>BIL</b>	<b>MANFAAT PERLINDUNGAN</b>	<b>JUMLAH</b>
4	Penyakit Kritikal – Penyakit / Semulajadi	RM8,000.00
5	Kematian - Kemalangan	RM20,000.00
6	Keilatan Kekal Menyeluruh - Kemalangan	RM20,000.00
7	Elaun Harian Hospital (Sehari Dan Maksimun 30 Hari Setahun) - Kemalangan	RM50.00
8	Perbelanjaan Perubatan Atau Pembedahan – Kemalangan (Purata / Setahun 'In Aggregate Per Year')	RM15,000.00
9	Keilatan Separa Sementara (Temporary Partial Disablement)/ Mendapat Sijil Cuti Sakit Akibat Kemalangan (Sehari Dan Maksimum 90 Hari) (Mc On Light Duty)	RM9.00
10	Keilatan Kekal Sementara (Temporary Partial Disablement)/ Mendapat Sijil Cuti Sakit Akibat Kemalangan (Sehari Dan Maksimum 90 Hari) (Mc On Light Duty)	RM15.00
11	Khariat Kematian (Biasa / Penyakit Atau Kemalangan)	RM5,000.00
12	Manfaat Perubatan Akibat Denggi	sehingga RM1,000.00
13	Tahap Umur Kemasukan	18 tahun
14	Umur Maksima (Age Next Birthday) Nyawa/ Semulajadi	65 tahun
15	Umur Maksima Perlindungan Kemalangan	69 tahun
16	Had Maksima Manfaat Dalam Satu Kenderaan	RM7,000.00

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)11**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

11. Memandangkan halangan paip utiliti (PBA) telah dialihkan di persimpangan Jalan Cantek, yang sebelum ini tidak mengizinkan pelebaran jalan persimpangan tersebut untuk dilaksanakan. Adakah pihak berkenaan akan meneruskan projek pelebaran persimpangan ini yang menjadi akses penting bagi penduduk sekitar Taman Cantek serta kawasan perniagaan berdekatan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

11. Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) mempunyai perancangan untuk melaksanakan kerja-kerja pelebaran persimpangan Jalan Permatang Pauh - Jalan Cantek dengan anggaran kos sebanyak RM80 ribu. Kerja-kerja ini akan dilaksanakan setelah peruntukan diluluskan kelak. Kerja-kerja pelebaran Jalan Cantek pula akan dilaksanakan oleh Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) setelah JKRPP selesai melaksanakan pelebaran persimpangan Jalan Permatang Pauh - Jalan Cantek tersebut.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)12**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

12. Adakah pihak berkenaan merancang untuk menaik taraf sistem perparitan dari jajaran Jalan Mak Mandin - Lorong Mak Mandin 3 - Tingkat Cantek 5 (sempadan kawasan IKS Mak Mandin dengan Taman Cantek) supaya banjir kilat yang masih berlaku di kawasan perumahan tersebut dapat diminimumkan?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

12. Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) tidak menerima sebarang aduan berkaitan kejadian banjir kilat setelah projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) Mak Mandin siap dilaksanakan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Pulau Pinang (JPSP). Justeru, JKRPP tidak mempunyai perancangan untuk menaik taraf sistem perparitan di kawasan tersebut.

Walau bagaimanapun, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) mempunyai perancangan untuk menjalankan kerja-kerja pengukuran aras dan pemetaan utiliti di kawasan Tingkat Cantek 5 yang dijadualkan bermula pada bulan Jun 2025.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)13**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

13. Memandangkan kesesakan lalu lintas teruk di Jalan Permatang Pauh terutamanya pada waktu puncak dan semasa program diadakan di Butterworth Arena, adakah Kerajaan Negeri mempunyai penyelesaian jangka masa pendek dan jangka panjang untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas di kawasan tersebut?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

13. Cadangan Kerajaan Negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi penyelesaian mengurangkan kesesakan lalu lintas di Jalan Permatang Pauh adalah seperti berikut:
- (i) Menaik taraf simpang tiga (3) di Jalan Permatang Pauh dan Jalan Bagan Lalang bagi penyelesaian jangka pendek; dan
  - (ii) Membuat pelebaran Jalan Permatang Pauh dengan mengambil kira skop pelebaran jalan berserta Jambatan Ampang bagi penyelesaian jangka panjang. Namun begitu, ianya tertakluk kepada kelulusan peruntukan yang telah diangkat dalam cadangan projek bagi RMKe-13 kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)14**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

14. Adakah pihak JKR menyediakan peruntukan untuk menyelenggara pokok-pokok di jalan Persekutuan terutamanya Jalan Kampung Gajah, Jalan Permatang Pauh, Jalan Telaga Air dan Jalan Bagan Jermal?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

14. Berdasarkan kepada Garis Panduan Penetapan Tanggungjawab Penyelenggaraan Pokok dan Landskap oleh Jabatan dan Agensi Kerajaan di Pulau Pinang yang berkuat kuasa pada 1 Ogos 2019, telah ditetapkan bahawa penyelenggaraan pokok dan landskap di Jalan Persekutuan adalah di bawah tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

Tiada peruntukan khusus disediakan oleh Kementerian Kerja Raya (KKR) bagi tujuan penyelenggaraan berkala pokok-pokok di sepanjang Jalan Persekutuan. Skop kerja syarikat konsesi adalah penyediaan Pelan Pengurusan Trafik (*Traffic Management Plan*, TMP) dan kerja-kerja pembersihan sisa pokok tumbang yang menghalang laluan di Jalan Persekutuan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)15**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

15. Mengenai parit jalan yang diselenggara oleh pihak JKR sepanjang Jalan Kampung Gajah (dua hala).
- (a) Nyatakan panjang parit Jalan Kampung Gajah di bawah selenggaraan JKR yang sudah dinaik taraf sepanjang jajaran ini.
  - (b) Berapakah panjang parit yang belum dinaik taraf dan berapakah kos yang diperlukan untuk tujuan naik taraf keseluruhan jajaran ini?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

15. Longkang sepanjang Jalan Kampung Gajah.
- (a) Longkang di Jalan Kampung Gajah adalah sepanjang 7000m (meter). Panjang longkang yang telah dinaik taraf di sepanjang jajaran ini adalah sebanyak 641m.
  - (b) Longkang yang belum dinaik taraf adalah sepanjang 6359m dan anggaran kos yang diperlukan untuk menaik taraf keseluruhan longkang tersebut adalah sebanyak RM4.45 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)16**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

16. Apakah tempoh purata menunggu bagi mendapatkan perkhidmatan kesihatan terutamanya pergigian dan vaksin di Klinik Kesihatan Mak Mandin?
- (a) Adakah pihak Jabatan Kesihatan Negeri mempunyai rancangan untuk menaik taraf kemudahan asas sedia ada untuk memastikan rakyat boleh mendapatkan kemudahan tersebut dengan kadar yang lebih cepat?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

16. Purata masa menunggu untuk mendapatkan temujanji vaksin adalah sekitar dua (2) minggu dan bagi perkhidmatan pergigian pula adalah dua (2) bulan. Walau bagaimanapun, perkhidmatan pergigian sentiasa terbuka untuk pesakit *walk-in* terutama kecemasan pergigian.
- (a) Bagi menambah baik perkhidmatan kesihatan dan kemudahan asas di Klinik Mak Mandin, klinik ini sedang dinaik taraf di bawah Projek Klinik Daif dengan kos RM600,000. Klinik Kesihatan Mak Mandin yang baharu juga akan dibina di Jalan Thamby Kecil dan projek ini dijangka akan bermula pada tahun ini selama 3 tahun dengan kos projek berjumlah RM42 juta.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)17**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

17. Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri dalam melaksanakan program pendidikan awam khususnya berkaitan dengan keselamatan makanan di sekolah-sekolah dan komuniti di seluruh Pulau Pinang seperti kesedaran terhadap pembaziran makanan, makanan sihat dan kemandirian makanan tempatan?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

17. Pihak Jabatan Pendidikan Negeri Pulau Pinang (JPNPP) bersama-sama dengan Bahagian Kualiti dan Keselamatan Makanan, Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang (JKNPP) telah melaksanakan inisiatif *Food Safety Squad* ke semua 396 buah sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sejak tahun 2022 dan telah diberikan penambahbaikan program ini pada tahun 2025 yang melibatkan penyertaan aktif daripada murid kepada murid bagi membantu pihak sekolah dalam advokasi keselamatan makanan di sekolah serta menyemak silang amalan kebersihan oleh Pengusaha Kantin Sekolah serta dibantu oleh guru bertugas mingguan.

Kempen makan makanan sihat juga turut dijalankan di peringkat negeri, daerah serta sekolah sejak tahun 2023 bersama-sama Cawangan Pemakanan, JKNPP. Tambahan pula, program HiTS (Hidangan Sihat di Sekolah) turut dilaksanakan di Sekolah-sekolah Pulau Pinang dalam memastikan murid-murid makan secara sihat mengikut kuantiti dan kualiti yang telah digariskan oleh *World Health Organization* (WHO).

Program C-HAT (Cara Hidup Anda Terbaik) juga telah dilaksanakan di Sekolah-sekolah KPM Pulau Pinang melalui pelibatan Persatuan

Ibu Bapa dan Komuniti Sekolah (IBKS) yang memberikan input berkaitan pengurusan berat badan serta kawalan makanan secara terkawal.

Program PIOS (Program Intervensi Obesiti Sekolah) juga turut dijalankan oleh JKNPP dan disokong oleh JPNPP sejak tahun 2023.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)18**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

18. Berapakah jumlah keseluruhan bangunan yang dimiliki kerajaan (Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri) bagi seluruh Pulau Pinang?
- (a) Berapakah bilangan bangunan yang berpotensi untuk pemasangan sistem solar?
  - (b) Berapakah bilangan yang sudah dilengkapi sistem solar dan berapakah sedang dirancang untuk pemasangan sistem solar?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

18. Berdasarkan data daripada Jabatan Kerja Raya Pulau Pinang (JKRPP) dan Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP), terdapat sejumlah 186 unit bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Pusat dan Kerajaan Negeri di seluruh Pulau Pinang.
- (a) Sebanyak 20 unit bangunan Kerajaan yang terdiri daripada pejabat dan pusat operasi, Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) dan depoh kenderaan PSUKPP telah dikenal pasti sebagai berpotensi untuk dilengkapi dengan sistem solar.
  - (b) Setakat ini, sebanyak 15 unit bangunan milik Kerajaan telah dilengkapi dengan sistem solar. Kerajaan Negeri melalui agensi-agensi berkaitan mempunyai perancangan untuk memasang sistem solar di 20 unit bangunan yang terdiri daripada pejabat dan pusat operasi, Kompleks Masyarakat Penyayang (KMP) dan

depoth kenderaan PSUKPP tertakluk kepada analisis kos-faedah (*cost-benefit analysis*) yang akan dilaksanakan kelak.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Bil. 19/2024 yang bersidang pada 26 Jun 2024 dan disahkan pada 3 Julai 2025 telah meluluskan pelaksanaan Sasaran dan Pelan Tindakan Tenaga Boleh Baharu (TBB) dan Kecekapan Tenaga (KT) Negeri Pulau Pinang.

Berkaitan itu, Penang Green Council (PGC) selaku urusetia kepada Jawatankuasa Penang Energy Framework (PEF) telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana yang bertanggungjawab untuk menyelaraskan pelaksanaannya serta memantau dan melaporkan pencapaiannya kepada Jawatankuasa PEF.

Bagi tujuan tersebut, PGC telah menerbitkan dokumen Rangka Kerja Tenaga Pulau Pinang (Penang Energy Framework – PEF) sebagai panduan pelaksanaannya. PGC juga kini juga sedang dalam perancangan untuk membangunkan portal pemantauan bagi pelaksanaan PEF ini.

Di antara lapan (8) sasaran yang telah ditetapkan di dalam PEF adalah penghasilan tenaga sebanyak 10% daripada sumber Tenaga Boleh Baharu (TBB) yang turut merangkumi tenaga solar menjelang tahun 2030. Justeru, Kerajaan Negeri menjangkakan lebih banyak bangunan Kerajaan akan dikenal pasti dan dilengkapi dengan sistem solar kelak.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

19. Apakah rancangan pihak Kerajaan Tempatan untuk memulihara taman rekreasi Taman Tugu Kota Demokrasi dengan pembaikan dan penggantian peralatan / binaan sedia ada yang sudah rosak?
- (a) Apakah rancangan pihak Kerajaan Negeri untuk menambah bilangan lampu jalan di sekeliling padang tersebut untuk mewujudkan suasana yang selamat dan selesa bagi penduduk setempat?

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

19. Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) sentiasa mengambil berat dan komited dalam memulihara taman-taman rekreasi yang terletak di kawasan Seberang Perai termasuklah Taman Rekreasi Tugu Kota Demokrasi. Justeru itu, pihak MBSP telah merancang langkah pemuliharaan Taman Tugu Kota Demokrasi melalui pelaksanaan penyelenggaraan seperti berikut:
- (i) Kerja-kerja penyelenggaraan dan pembersihan dilaksanakan secara berjadual oleh MBSP. Perincian adalah seperti di **LAMPIRAN A**;
- (ii) Pembaikan alat permainan dan perabot taman dijalankan berdasarkan pemantauan fizikal oleh pihak MBSP serta maklumat aduan orang awam;
- (iii) Pembaikan segera oleh pasukan penyelenggaraan dalaman MBSP yang melibatkan kerosakan kecil dan tidak kritikal;

- (iv) Perolehan baru bagi alat permainan yang tidak lagi selamat digunakan serta tidak boleh dibaiki. Cadangan perolehan baharu akan dimasukkan ke dalam pelan belanjawan tahunan MBSP; dan
- (v) Bagi kerosakan besar atau yang berisiko, kawasan permainan akan ditutup sementara waktu. Alat permainan yang terlibat akan diganti atau dilupuskan bergantung kepada penilaian dari segi keselamatan dan kos pembaikan.
- (a) Kerajaan Negeri melalui MBSP berpandangan bahawa tiada keperluan buat masa ini untuk menambah bilangan lampu jalan di sekeliling padang tersebut kerana pencahayaan sedia ada di taman rekreasi Taman Tugu adalah mencukupi. Walau bagaimanapun, sekiranya terdapat keperluan bagi penambahan bilangan lampu jalan atau lampu taman pada masa depan, ia boleh dipertimbangkan dengan merujuk kepada Garis Panduan Pemasangan Lampu MBSP (Jabatan Kejuruteraan) dan Garis Panduan Pemasangan Lampu Di Kawasan Lapang Dan Taman Rekreasi Awam Selenggaraan MBSP (Jabatan Landskap) serta lain-lain syarat-syarat atau peruntukan semasa yang berkuat kuasa.

**JADUAL KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN  
PEMBERSIHAN DI TAMAN REKREASI TAMAN TUGU**

<b>BIL</b>	<b>PERKARA</b>	<b>CATATAN</b>
1	Penyiraman	Seminggu 3 kali
2	Mencabut Rumput	Sebulan 1 kali
3	Pembajaan, Pengemburan dan Kawalan Serangga Pokok Teduhan/Pokok Renek	3 bulan 1 kali
4	Pemotongan Rumput	21 hari sekali
5	Pangkasan Pokok Renek	3 bulan 1 kali
6	Pangkasan Pokok Besar/Palma	Setiap 6 bulan 1 kali
7	Pembersihan Jalan TAR/Pejalan Kaki	2 kali sehari
8	Pembersihan Pegola/ Wakaf/ Tangga/ Paver Permukaan Konkrit	2 hari sekali
9	Pembersihan Tong Sampah	2 hari sekali
10	Pembersihan Sampah Sarap (dari masa ke semasa mengikut tempoh laksana kerja 8, 9, 10 diatas)	Pungutan lori sampah 3 hari sekali

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)20**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

20. Memandangkan vaksin untuk penyakit denggi, vaksin Qdenga hanya tersedia di klinik dan hospital swasta, adakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menyediakan vaksin Qdenga di Klinik Kesihatan dan Klinik Komuniti di kawasan risiko tinggi wabak denggi yang akan memberi keutamaan kepada penduduk di kawasan "hotspot" wabak denggi?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

20. Pada Februari 2024, kelulusan pendaftaran bersyarat untuk tempoh 2 tahun bagi vaksin Qdenga untuk digunakan bagi mencegah demam denggi dalam kalangan individu berumur 4 tahun ke atas telah diberikan oleh Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD).

Produk tersebut dikilangkan oleh Takeda GmbH, Germany dan pemegang pendaftaran produk (*Product Registration Holder* (PRH)) ialah Takeda Malaysia Sdn. Bhd.

Produk ini telah dipersetujui untuk didaftarkan secara bersyarat selepas PBKD berpuas hati dengan hasil penilaian ke atas keberkesanan, keselamatan dan kualiti produk yang dijalankan serta langkah-langkah pemantauan yang akan dijalankan oleh pihak PRH selepas produk didaftarkan.

Melalui pendaftaran bersyarat ini, dari semasa ke semasa, pihak PRH perlu mengemukakan data pemantauan keberkesanan dan keselamatan vaksin Qdenga setelah ia digunakan di pasaran Malaysia yang kini boleh didapati di klinik dan hospital swasta. Ini membolehkan PBKD membuat pemantauan berterusan ke atas

kedua-dua aspek tersebut untuk memastikan perbandingan manfaat dan risiko (*benefit over risk*) bagi vaksin Qdenga kekal positif.

Pelaksanaan pemberian vaksin Qdenga di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan dipertimbangkan selepas tempoh kelulusan pendaftaran bersyarat tamat dan penilaian berkenaan keberkesanan dan keselamatan vaksin Qdenga selepas tempoh tersebut dilaksanakan.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)21**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

21. Melihat kepada kejayaan inisiatif universiti warga emas di Guangzhou, China yang memperkenalkan kecerdasan buatan (AI) kepada golongan pesara dan warga emas, apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk memperkasakan rakyat emas Pulau Pinang dalam bidang AI dan literasi digital, agar mereka tidak ketinggalan dalam arus pembangunan teknologi?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

21. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk memperkasakan golongan warga emas dalam bidang Kecerdasan Buatan (AI) dan literasi digital selaras dengan visi Penang2030 untuk membina masyarakat yang inklusif dan berdaya saing. Antara usaha utama yang telah dijalankan termasuklah penganjuran program Bengkel Teknologi Senior oleh Universiti Sains Malaysia (USM) yang memberikan pendedahan kepada warga emas berusia dari 60 hingga 80 tahun mengenai penggunaan telefon pintar, seni digital dan aspek keselamatan siber. Selain itu, USM turut bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat Negeri Pulau Pinang dalam program “Citra Minda Intergenerasi” bagi merapatkan jurang teknologi antara generasi muda dan warga emas.

Kerajaan Negeri juga menjalinkan kerjasama strategik bersama Maxis untuk melatih usahawan termasuk warga emas dalam pemasaran digital dan penggunaan AI generatif selain menyediakan sumber pembelajaran digital melalui program eKelas. Program Klinik Digital di bawah inisiatif DahDigital pula membantu lebih 7,000 peserta termasuk warga emas dan Orang Kurang Upaya (OKU) untuk memahami penggunaan aplikasi-aplikasi kerajaan seperti

*Penang Smart Parking (PSP)*. Tambahan pula, kelas literasi digital “AI untuk Rakyat” anjuran Perpustakaan Tun Abdul Razak Universiti Teknologi MARA (UiTM) Pulau Pinang memperkenalkan konsep asas AI kepada masyarakat umum termasuk warga emas.

Semua inisiatif ini disokong oleh program kebajikan i-Sejahtera yang menyediakan bantuan kewangan tahunan kepada golongan berkeperluan termasuk warga emas sebagai galakan dan sokongan untuk mereka menyertai inisiatif pembangunan teknologi. Kesemua usaha ini membuktikan komitmen Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam memastikan golongan warga emas tidak ketinggalan dalam arus pembangunan teknologi masa kini.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)22**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

22. Mengenai Projek Fasa Dua Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kechil yang tertangguh sejak beberapa tahun yang lalu.
- (a) Apakah status terkini kelulusan daripada Lingkaran Luar Butterworth (LLB) dan jika masih belum diluluskan, apakah sebabnya?
  - (b) Jika projek di atas tidak dapat dilaksanakan di tapak cadangan asal, apakah perancangan alternatif?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

22. Projek fasa dua (2) Pembinaan Parit Monsun *Bypass* Jalan Thamby Kechil.
- (a) Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) telah menerima kelulusan konsep bersyarat bagi projek fasa dua (2) Pembinaan Parit Monsun *Bypas* Jalan Thamby Kecil daripada Lingkaran Luar Butterworth (LLB).
  - (b) MBSP mempunyai cadangan konsep alternatif iaitu menaik taraf sistem perparitan sedia ada yang melibatkan kawasan taman perumahan serta memindahkan kedudukan rumah pam di bahagian hilir tadahan sekiranya projek terbabit tidak dapat dilaksanakan di tapak asal. Walau bagaimanapun, cadangan ini masih dalam peringkat kajian oleh perunding.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)23**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

23. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Pasar Sri Uda.
- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini?
  - (b) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan bermula dari proses tender sehingga ke proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

23. Status terkini Projek Menaik taraf Pusat Penjaja Pasar Sri Uda adalah sedang dalam **fasa penyediaan pelan reka bentuk terperinci**.
- (a) MBSP telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1,000,000.00 bagi pelaksanaan projek naik taraf Pusat Penjaja Pasar Sri Uda.
  - (b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek terbabit bermula daripada proses tender sehingga proses pelaksanaan keseluruhan projek adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PROSES</b>	<b>TEMPOH (BULAN)</b>
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN TENDER	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISA TENDER	3
5.	LANTIKAN KONTRAKTOR	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN DI TAPAK	12
<b>TEMPOH KESELURUHAN PROJEK</b>		<b>28</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)24**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

24. Apakah status terkini mengenai projek penaiktarafan Pusat Penjaja Sin Tat?
- (a) Berapakah jumlah peruntukan yang telah diluluskan untuk projek ini?
  - (b) Berikan huraian terperinci tempoh pelaksanaan bermula dari proses tender sehingga ke proses pelaksanaan keseluruhan projek tersebut.

**YB H'NG MOOI LYE  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

24. Status terkini Projek Menaik taraf Pusat Penjaja Sin Tat adalah **sedang dalam proses pelantikan perunding** oleh MBSP bagi tujuan menentukan konsep binaan pusat penjaja tersebut.
- (a) Peruntukan bagi Projek naik taraf Pusat Penjaja Sin Tat tidak dapat dimuktamadkan sehingga proses penyediaan reka bentuk terperinci selesai dijalankan.
  - (b) Perincian maklumat bagi tempoh pelaksanaan projek terbabit bermula daripada proses tender sehingga proses pelaksanaan adalah seperti berikut:

<b>BIL.</b>	<b>PROSES</b>	<b>TEMPOH (BULAN)</b>
1.	PERUNDINGAN	6
2.	PENGIKLANAN TENDER	1
3.	BANTAHAN	1
4.	ANALISA TENDER	3
5.	LANTIKAN KONTRAKTOR	2
6.	PENYEDIAAN TAPAK SEMENTARA	2
7.	PEMINDAHAN PENJAJA	1
8.	PEMBINAAN DI TAPAK	8
<b>TEMPOH KESELURUHAN PROJEK</b>		<b>24</b>

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)25**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

25. Mengenai banjir kilat yang berlaku di Taman Melur dan kawasan sekitarnya pada 21 April 2025 yang lalu.
- (a) Huraikan secara terperinci punca banjir kilat ini.
  - (b) Apakah langkah jangka masa pendek dan jangka masa panjang untuk meminimalkan isu banjir kilat di sekitar kawasan tersebut?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

25. Banjir kilat di Taman Melur dan kawasan sekitar pada 21 April 2025.
- (a) Banjir kilat di Taman Melur dan kawasan sekitarnya yang berlaku pada 21 April 2025 adalah disebabkan oleh kadar hujan yang melebihi 60mm (milimeter) serta keadaan air pasang mati di muara Sungai Perai.
  - (b) Dalam usaha mengurangkan risiko kejadian banjir kilat di kawasan tersebut, Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) melaksanakan kerja - kerja pembersihan parit taman perumahan secara berkala sebagai salah satu langkah jangka masa pendek. MBSP turut akan melaksanakan kajian konsep bagi kawasan terbabit untuk mendapatkan cadangan - cadangan penyelesaian yang lebih mampan sebagai langkah jangka masa Panjang.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)26**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

26. Apakah rancangan Kerajaan Negeri untuk mengkaji semula peralatan yang sedia ada dalam makmal STEM sekolah rendah dan sekolah menengah dalam Negeri Pulau Pinang agar peralatan tersebut dapat diintegrasikan dengan pembangunan kecerdasan buatan (AI) memastikan supaya makmal tersebut tidak ketinggalan dengan kehebatan AI kini?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

26. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi memastikan makmal Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) di sekolah rendah dan menengah dalam negeri ini dapat diintegrasikan dengan teknologi Kecerdasan Buatan (AI), sekali gus tidak ketinggalan dalam arus pemodenan pendidikan.

Salah satu inisiatif utama ialah penubuhan Hub Pendidikan Kecerdasan Buatan (AI Education Hub), yang mana hasil kerjasama antara Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang. Hub ini dilengkapi dengan pelbagai peralatan pembelajaran AI moden yang bertujuan memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang teknologi AI sebenar bermula dari peringkat sekolah rendah hingga ke institusi pengajian tinggi.

Selaras dengan Agenda Negeri Pintar Pulau Pinang yang dirangka sebagai Pelan Induk Digital Negeri menjelang tahun 2030, Kerajaan Negeri turut menekankan kepentingan memperkukuh pendidikan STEM melalui integrasi AI, automasi dan teknologi terkini. Usaha ini diterjemahkan menerusi pelaksanaan program seperti STEM 4.0

yang memfokuskan pada kemahiran abad ke-21 serta pembangunan prototaip berasaskan AI oleh pelajar. Dalam memastikan kelancaran penggunaan peralatan baharu, kerajaan turut melaksanakan latihan khusus melalui pendekatan pendidikan berasaskan projek (Project-Based Learning) kepada guru-guru STEM agar mereka dapat mengaplikasikan pendekatan pembelajaran berasaskan AI dalam bilik darjah.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)27**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

27. Apakah rancangan Kerajaan Negeri dalam mewujudkan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memperkenalkan modul literasi AI dan etika digital di sekolah rendah dan menengah di seluruh Pulau Pinang bagi mempersiapkan pelajar menghadapi ekonomi digital masa hadapan?

**YB JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

27. Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah merangka pelbagai inisiatif strategik dalam usaha memperkenalkan modul literasi kecerdasan buatan (AI) dan etika digital di sekolah rendah dan menengah sebagai persediaan menghadapi ekonomi digital masa hadapan. Walaupun pendidikan merupakan bidang kuasa Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri mengambil pendekatan sinergi bersama Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi memastikan pelaksanaan program ini selaras dengan kurikulum kebangsaan. Kerjasama ini melibatkan pembangunan bahan pengajaran AI, latihan guru secara profesional melalui Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) serta perkongsian sumber dan fasiliti digital melalui *MakerLabs* dan Pusat Sumber Sekolah.

Salah satu tonggak utama inisiatif ini ialah penubuhan Hub Pendidikan AI Pulau Pinang dengan kerjasama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) yang menyediakan pelbagai kemudahan pembelajaran seperti alat pembelajaran AI, kit pembangunan dan platform simulasi untuk pelajar dan guru. Selain itu, Kerajaan Negeri turut melancarkan Program Literasi Digital yang menyasarkan pelajar berumur dari 10 hingga 13 tahun dengan modul pengaturcaraan dan pembelajaran mesin yang dijalankan bersama

Tech Dome Penang. Modul etika digital juga sedang dibangunkan dan dilaksanakan secara rintis, yang mana merangkumi topik seperti tanggungjawab digital, privasi data, keselamatan siber dan kesedaran terhadap penyebaran maklumat palsu. Modul ini diintegrasikan secara silang kurikulum dalam subjek seperti Pendidikan Moral, Pendidikan Islam dan Reka Bentuk & Teknologi.

Bagi memastikan keberkesanan dan keberlanjutan program, Kerajaan Negeri turut menjalin kerjasama dengan syarikat industri seperti Intel dan Microsoft serta institusi pengajian tinggi seperti Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM) dalam memperkasakan penglibatan sekolah dengan industri dan akademia. Di samping itu, agensi negeri seperti Digital Penang dan Penang STEM memainkan peranan penting melalui penganjuran bengkel AI, pertandingan inovasi dan program bimbingan digital kepada pelajar. Kesemua usaha ini dilaksanakan berlandaskan visi Penang2030 yang menekankan pembangunan negeri pintar dan hijau berteraskan keluarga, dengan sistem pendidikan yang mampu melahirkan modal insan yang kompetitif, beretika dan bersedia menyertai ekonomi digital global.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)28**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

28. Adakah Kementerian Kesihatan Malaysia bercadang untuk menggunakan sistem diagnosis AI untuk membantu proses diagnosis secara pintar di hospital negeri atau klinik kesihatan (seperti saringan diabetes dan kanser) bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan dan tempoh menunggu yang lama untuk menerima diagnosis atau rawatan?

**YB GOOI ZI SEN  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

28. Penggunaan sistem diagnosis menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) khas untuk saringan diabetes sehingga ini masih belum dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah memperkenalkan transformasi menggunakan teknologi kecerdasan buatan (AI) untuk saringan dan diagnostik kesihatan paru-paru. Langkah ini dilaksanakan melalui Pelan Inisiatif Kesihatan Paru-Paru Malaysia 2025-2030 iaitu satu pelan strategik yang holistik berkaitan kesihatan paru-paru dengan tujuan memperkukuh aktiviti berkaitan pencegahan, saringan dan rawatan penyakit paru-paru termasuk tuberkulosis dan kanser.

Manakala di Negeri Pulau Pinang, Klinik Kesihatan (KK) Seberang Perai juga akan mula menggunakan teknologi AI bagi saringan X-ray untuk pesakit.

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KELIMA BELAS  
16 MEI 2025**

**PERKARA : 5(A)(V)29**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN BAGAN JERMAL  
YB CHEE YEEH KEEN**

29. Mengenai projek Lebuhraya Bertingkat Juru - Sungai Dua yang telah diluluskan.
- (a) Adakah terdapat sebarang rancangan untuk kerja-kerja pelebaran jalan jajaran dari Bagan Ajam sehingga ke persimpangan Sungai Dua?
  - (b) Adakah terdapat sebarang rancangan untuk kerja-kerja penaiktarafan jalan di pekan Sungai Dua oleh JKR untuk melancarkan trafik?

**YB ZAIRIL KHIR JOHARI  
MENJAWAB BAGI PIHAK YAB KETUA MENTERI**

29. (a) Projek Lebuh Raya Bertingkat Juru - Sungai Dua ("JSD") yang telah diluluskan tidak melibatkan sebarang rancangan untuk kerja-kerja pelebaran jalan jajaran dari Bagan Ajam sehingga ke persimpangan Sungai Dua. Cadangan konsep penyuraian trafik bagi laluan antara Juru dan Sungai Dua telah dipersetujui merangkumi tiga (3) komponen utama, iaitu pembinaan laluan terus (*Mainline Express Lanes*, MEL) sepanjang 17.3 kilometer, pembinaan laluan pengumpul dan pengedar (*Collector Distributor Lanes*, CDL) dan kerja-kerja menaik taraf persimpangan serta laluan sedia ada.
- (b) Kerja-kerja Menaik Taraf dan Pelebaran Jalan Serta Kerja-Kerja Berkaitan Bagi Penyuraian Trafik di Pekan Sungai Dua, Seberang Perai Utara sedang dalam peringkat rekabentuk dan penyediaan dokumen tender. Projek ini dijangka akan mula dilaksanakan di tapak pada bulan Ogos 2025.